

33. KATA MAJMUK

KETERANGAN:

1. Kata yang terbentuk daripada dua atau lebih perkataan yang menghasilkan makna yang baru
2. Kata majmuk dieja secara terpisah.

LATIHAN 33. KATA MAJMUK

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang betul.

1. Maria melukis beberapa bentuk _____ kaki sama pada kertas lukisan itu dengan menggunakan pensel.
A segi tiga C bulatan
B segi empat D bujur
 2. _____ yang berkaitan dengan program Tahun Enam telah disediakan oleh Cikgu Mahmud petang semalam.
A Kertas nama C kertas kerja
B Kertas turas D Kertas mahjong
 3. Alif mendapat keputusan yang baik dalam _____ Sains dan Matematik.
A mata pendidikan C mata ilmu
B mata pelajaran D mata bestari
 4. _____ bangunan itu adalah berkonsepkan seni bina Islam .
A Reka bentuk C Reka tinggi
B Reka acuan D Reka rupa
-

5. _____ majlis itu terpaksa diubah kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.
A Atur masa C Atur cara
B Atur sesuai D Atur susun
6. Kedai yang menjual _____ alat tulis itu dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
A alat tulis C alat padam
B alat pensel D alat pembaris
7. Emak membeli beberapa bungkus _____ di warung itu untuk dijadikan sarapan.
A nasi lemak C nasi putih
B nasi pinggan D nasi campur
8. _____ Ani tidak berfungsi lagi kerana telah dimasuki air ketika dia bermain di padang.
A Jam dinding C Jam randik
B Jam meja D Jam tangan
9. Dia bersikap _____ sedikit semenjak kebelakangan ini.
A luar dugaan C luar biasa
B luar sikit D luar perangai
10. Sudah menjadi tanggungjawab Cikgu Zaid untuk menyediakan _____ bagi membersihkan kelasnya.
A jadual harian C jadual bertugas
B jadual mingguan D jadual tugasan
11. Beberapa orang _____ Jabatan Pelajaran telah dinaikkan pangkat dalam majlis anugerah itu.
A jawatankuasa C pesuruhjaya
B kakitangan D warganegara
12. Tidak ada _____ yang dapat diselamatkan dalam kebakaran itu kerana semuanya hangus terbakar.
A apabila C apakala
B apahal D apalagi
13. Cikgu Jamil mahu kami menyusun kerusi dan meja di dalam kelas itu semula seperti _____.
A sukarela C sediakala
B sukacita D setiausaha
14. Siti Hajar berasa _____ semenjak ayahnya meninggal dunia minggu lepas.
A dukacita C sukarela
B sukacita D sediakala
15. Puan Lily selamat melahirkan seorang _____ lelaki di Hospita Sultanah Zainab, Kota Bharu.
A cahaya mata C cahaya neon
B cahaya sinar D cahaya terang
16. _____ Encik Zainol berasal dari Pasir Puteh, Kelantan.
A Orang rumah C orang dapur
B Orang harapan D orang atas
-

17. Zarinah dapat bantuan Rancangan Makanan Tambahan kerana dia anak _____.
A yatim tunggal C tunggal piatu
B yatim piatu D piatu yatim
18. Rizal _____ apabila Qudus tidak menjemputnya ke majlis itu.
A jauh hati C jauh perasaan
B kecewa hati D resah hati
19. Walaupun nampak remeh,namun _____ berkaitan wanita bersalin tidak boleh diambil ringan.
A pantang tok nenek C pantang tegah
B pantang larang D pantang mundur
20. Syarikat yang mempunyai _____ yang tinggi itu mampu bertahan hingga kini.
A daya tenaga C daya saing
B reka cipta D usaha sama